

# KEBERKESANAN PENGAPLIKASIAN MODEL GENERATIF-METAKOGNITIF DALAM PERISIAN BAGI MEMBANTU PEMBINAAN KONSEP KEABADIAN JISIM

**Johari Surif<sup>1</sup>, Mohammad Yusof Arshad<sup>1</sup>, Mohammad Nazir Ahmad@Sharif<sup>2</sup>**

Jabatan Pendidikan Sains dan Matematik<sup>1</sup>, Fakulti Pendidikan  
 Jabatan Sistem Maklumat<sup>2</sup>, Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat  
 Universiti Teknologi Malaysia, Skudai  
 81310 Johor, Malaysia

## **ABSTRAK:**

*Artikel ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanannya pengaplikasian Model Generatif-Metakognitif dalam pembangunan perisian pendidikan sains bagi membantu pelajar menguasai konsep keabadian jisim dengan tepat. Keberkesanannya tersebut diukur melalui keupayaan pelajar untuk melakukan perubahan konsep dan mempertingkatkan strategi metakognitif mereka bagi membina konsep saintifik pada aras makroskopik, mikroskopik dan persimbolan. Alat penggubahan Macromedia Flash MX telah digunakan bagi tujuan pembangunan perisian ini. Kajian secara kualitatif dilaksanakan di kalangan lima belas responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat aliran sains yang telah mempelajari tajuk Jirim dan dipilih secara rawak. Data diperolehi berdasarkan data logging hasil interaksi pelajar dan perisian serta temubual yang dijalankan. Dapatkan menunjukkan Model Generatif-Metakognitif yang diaplikasikan dalam pembangunan perisian pendidikan sains ini berupaya mewujudkan konflik kognitif dan mempertingkatkan strategi metakognitif pelajar sekaligus membina konsep keabadian jisim dengan tepat. Keseluruhan menunjukkan model ini berpotensi untuk dijadikan alternatif bagi menggantikan strategi pengajaran dan pembelajaran tradisional dan mempertingkatkan dunia pendidikan sains di negara ini.*

**Katakunci:** Metakognitif, Generatif, Generatif-Metakognitif, Conceptual Learning, Computer Based Education, Science Learning.

## **1.0 PENGENALAN**

Kebangkitan ketamadunan manusia yang ditunjang oleh ketinggian pencapaian sains dan teknologi telah menjulang pendidikan sains selaku nadi yang menggerakkan kelahiran masyarakat saintifik (Bruner,1977). Pendidikan sains menjadi teras bagi membentuk dan mengisi keintelektualan dan sikap pelajar selaku pewaris generasi masa depan sesebuah negara ke arah sebuah masyarakat yang mempunyai ilmu sains yang tinggi dan berketrampilan bagi menggerakkan sektor penyelidikan dan pembangunan sekaligus mencorakkan pertumbuhan ekonomi yang gemilang. Pendidikan sains menjadi semakin penting bagi menghadapi abad ke dua puluh satu ini apabila kemajuan sesebuah negara tidak lagi diukur oleh kekayaan hasil bumi, keluasan jajahan takluk dan kekuatan tentera sebaliknya melalui kecanggihan teknologi menghadapi era globalisasi. Justeru itu, Malaysia yang berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 amat menitikberatkan pembangunan pendidikan sains (Dasar Sains dan Teknologi, 2000).

Salah satu matlamat pendidikan sains yang amat ditekankan dalam kurikulum sains dewasa ini ialah pembinaan konsep sains yang tepat di kalangan pelajar (Tan Ai-Girl, 2002). Konsep yang merupakan